



29 Disember 2023  
29 December 2023  
P.U. (A) 405

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN  
(BARANG BERNILAI RENDAH) (PINDAAN) 2023

*SALES TAX (LOW VALUE GOODS) (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (BARANG BERNILAI RENDAH)  
(PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 106(2)(ka) Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], dibaca bersama subseksyen 11B(1) Akta, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Barang Bernilai Rendah) (Pindaan) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

**Peraturan baharu 6A**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Barang Bernilai Rendah) 2022 [*P.U. (A) 408/2022*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6 peraturan yang berikut:

**“Pengeluaran nota kredit dan nota debit**

6A. (1) Mana-mana penjual berdaftar yang menjual barang bernilai rendah hendaklah mengeluarkan suatu nota kredit atau nota debit jika, selepas penyata bagi barang bernilai rendah itu telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, terdapat pengurangan, atau tambahan kepada, amaun cukai jualan yang telah dikenakan atas barang bernilai rendah itu—

(a) disebabkan oleh perubahan pada kadar cukai jualan di bawah seksyen 10 Akta; atau

(b) disebabkan oleh apa-apa pelarasan dalam penjalanan perniagaan.

(2) Jika terdapat pengurangan, atau tambahan kepada, amaun cukai jualan di bawah subperaturan (1)—

- (a) penjual berdaftar hendaklah membuat pengurangan atau penambahan cukai jualan dalam penyata bagi tempoh bercukai yang nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan; atau
- (b) dalam hal penjual berdaftar itu telah terhenti menjadi seorang penjual berdaftar, penjual itu hendaklah membuat pengurangan atau penambahan cukai jualan dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhir yang dalam tempoh itu dia berdaftar.

(3) Suatu nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan oleh penjual berdaftar hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) perkataan “nota kredit” atau “nota debit” di tempat yang mudah dilihat;
- (b) nombor siri nota kredit atau nota debit;
- (c) tarikh nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- (d) nama, alamat dan nombor pendaftaran penjual berdaftar;
- (e) nama dan alamat orang yang kepadanya barang bernilai rendah itu dijual;
- (f) sebab bagi nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;

- (g) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti barang bernilai rendah yang baginya nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- (h) jumlah amaun tidak termasuk cukai jualan;
- (i) kadar dan amaun cukai jualan; dan
- (j) nombor siri dan tarikh invois asal.

(4) Mana-mana penjual berdaftar yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.”.

#### **Penggantian peraturan 7**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 7 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Cara mengemukakan penyata**

7. Seseorang penjual berdaftar hendaklah mengemukakan suatu penyata bagi setiap tempoh bercukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 26 Akta dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

Dibuat 22 Disember 2023

[MOF.TAX(S)700-1/2/26]LD.8; KE.HF(152)899/04 JLD 2(39); PN(PU2)751/JLD.9]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN  
*Menteri Kewangan Kedua*

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (LOW VALUE GOODS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 106(2)(ka) of the Sales Tax Act 2018 [Act 806], read together with subsection 11B(1) of the Act, the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Sales Tax (Low Value Goods) (Amendment) Regulations 2023**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2024.

**New regulation 6A**

2. The Sales Tax (Low Value Goods) Regulations 2022 [P.U. (A) 408/2022], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 6 the following regulation:

**“Issuance of credit note and debit note**

6A. (1) Any registered seller who sells low value goods shall issue a credit note or debit note where, after the return for the low value goods has been furnished to the Director General, there is a reduction of, or addition to, the amount of sales tax which has been charged on the low value goods—

(a) due to a change in the rate of sales tax under section 10 of the Act; or

(b) due to any adjustment in the course of business.

(2) Where there is a reduction of, or addition to, the amount of sales tax under subregulation (1)—

- (a)* the registered seller shall make the deduction or addition of sales tax in the return for the taxable period in which the credit note or debit note is issued; or
- (b)* in the case of the registered seller has ceased to be a registered seller, the seller shall make the deduction or addition of sales tax in the return for the last taxable period during which he was registered.

(3) A credit note or debit note issued by the registered seller shall contain the following particulars:

- (a)* the words "credit note" or "debit note" in a prominent place;
- (b)* the serial number of the credit note or debit note;
- (c)* the date of issuance of the credit note or debit note;
- (d)* the name, address and registration number of the registered seller;
- (e)* the name and address of the person to whom the low value goods is sold;
- (f)* the reason for the issuance of the credit note or debit note;
- (g)* a description sufficient to identify the low value goods for which the credit note or debit note is issued;
- (h)* the total amount excluding sales tax;
- (i)* the rate and amount of sales tax; and

(j) the serial number and date of the original invoice.

(4) Any registered seller who contravenes this regulation commits an offence.”.

**Substitution of regulation 7**

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 7 the following regulation:

**“Manner of furnishing return**

7. A registered seller shall furnish a return for each taxable period as required under section 26 of the Act in the form and manner as determined by the Director General.”.

Made 22 December 2023

[MOF.TAX(S)700-1/2/26JLD.8; KE.HF(152)899/04 JLD 2(39); PN(PU2)751/JLD.9]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN  
*Second Minister of Finance*